

8. Dari kalangan rakyat pula, khususnya pendengar-pendengar radio, dan penuntun-penuntun tv, perkara yang diperlukan ialah, fahaman yang saksama dan sikap toleransi, terhadap rancangan-rancangan yang di siarkan. Walau bagaimanapun penyertaan mereka bagi menegur secara membena terhadap siaran-siaran itu, menerusi saluran-saluran tertentu, memanglah di galakkan. Penyertaan itu hendaklah berupa sumbangan, yang boleh memperteguhkan perpaduan dan keselamatan negara. Ia tidak harus berupa desakan semata-mata, untuk memenuhi selera perseorangan, atau kepentingan sesuatu golongan atau kaum.